

2017 年度永平中学  
初一新生入学编班考试  
国文科试卷

Peperiksaan Kemasukan Tingkatan Satu 2017  
Sekolah Menengah Cina Yong Peng  
Bahasa Malaysia  
Tarikh: 24 September 2016  
Masa: 10.35pagi — 11.25pagi

Arahan Am:

Tiap-tiap soalan atau pernyataan diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A,B,C,dan D. Terdapat hanya satu jawapan yang paling sesuai. Pilih jawapan itu, kemudian hitamkan jawapan yang berkenaan pada kertas jawapan "O". Semuanya 50 soalan bersamaan 100%

**Soalan 1 – Soalan 5**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut*

Hari Kemerdekaan juga disebut Hari Kebangsaan. Hari Kemerdekaan negara kita jatuh pada tanggal 31 Ogos setiap tahun. Pada tarikh keramat ini seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum bersama-sama menyambutnya dengan riang gembira dan yang penting dapat menambah rasa cinta rakyat terhadap negara.

Pada hari itu, pemimpin negara berada di atas pentas utama. Antara pemimpin yang hadir ialah Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri dan para menteri. Masyarakat berbilang kaum turut menghadirinya. Mereka tidak mahu ketinggalan meraikan hari yang bersejarah ini.

Acara sambutan Hari Kemerdekaan biasanya dimulakan dengan upacara menaikkan bendera Malaysia iaitu "Jalur Gemilang". Sewaktu bendera dinaikkan lagu "Negaraku" dinyanyikan bersama-sama dengan penuh semangat. Selepas itu, ikrar taat setia dilafazkan sebagai janji taat setia rakyat kepada negara. Pada Hari Kemerdekaan, pemimpin negara turut memberikan ucapan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Tidak lama selepas itu, upacara perbarisan pun dimulakan. Upacara perbarisan ini disertai oleh rakyat berbilang kaum. Mereka terdiri daripada murid sekolah, pekerja sektor awam dan pekerja sektor swasta. Peserta perbarisan ini memberi tabik hormat kepada pemimpin negara yang berdiri di atas pentas utama.

Sewaktu sambutan Hari Kemerdekaan penonton juga dapat menyaksikan perarakan kereta berhias yang berwarna-warni dan penuh bercahaya, persembahan pancaragam oleh pasukan beruniform, pertunjukan jet di udara dan melihat kemahiran penerjun-penerjun negara terjun dari helikopter sambil mengibarkan "Jalur Gemilang".

Acara kemudiannya diteruskan dengan persembahan kebudayaan. Pelbagai persembahan seperti tarian, nyanyian dan sketsa diadakan. Persembahan ini dijayakan oleh semua kaum di Malaysia. Semua persembahan yang dipersembahkan sungguh menghiburkan. Rakyat Malaysia yang datang sendiri sewaktu sambutan Hari Kemerdekaan ramai yang tidak melepaskan peluang untuk mengambil foto peristiwa yang berlaku pada hari tersebut.

Sambutan Hari Kemerdekaan disambut dengan meriah. Bagi mereka yang tidak hadir, mereka boleh menontonnya di kaca televisyen.

1. Apakah gelaran Bendera Malaysia?

- A. Negaraku                      B. Jalur Gemilang                      C. Jalur Cemerlang                      D. Jalur Kemerdekaan

2. Apakah kepentingan menyambut Hari Kemerdekaan?

- A. Menambah rasa cinta rakyat terhadap negara                      B. Menambah rasa cinta kepada ibu bapa  
C. Menambah rasa cinta kepada guru-guru                      D. Menambah rasa cinta kepada golongan kurang keupayaan

3. Berdasarkan petikan di atas, berikut adalah acara-acara semasa Hari Kemerdekaan, **kecuali**:

- A. Perarakan kereta berhias yang berwarna-warni    B. Persembahan pancaragam  
C. Persembahan tarian dan nyanyian    D. Persembahan silat

4. Malaysia mencapai Kemerdekaan pada tahun \_\_\_\_\_.

- A. 1963    B. 1957    C. 1956    D. 1955

5. Berikut adalah kaum-kaum utama di Malaysia, **kecuali**:

- A. Melayu    B. Cina    C. India    D. Yahudi

### Soalan 6-Soalan 10

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut*

Banjir adalah bencana alam yang sering melanda negara kita terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur, Semenanjung Malaysia. Kebiasaannya negeri-negeri ini akan mengalami musim tengkujuh pada setiap akhir tahun. Hujan lebat yang kerap berlaku pada musim itu menyebabkan banjir di kawasan tersebut.

Banjir kerap melanda kawasan-kawasan yang rendah seperti kawasan berhampiran sungai. Banyak harta benda yang musnah serta binatang ternakan dan tanaman mati. Mereka yang terlibat seperti para petani akan mengalami kerugian besar.

Banjir juga boleh mengancam nyawa. Ramai yang lemas kerana bermain dengan air banjir yang alirannya deras dan dalam. Apatah lagi jika mereka tidak tahu berenang.

Air banjir yang keruh menghanyutkan pelbagai benda yang berbahaya seperti kayu tajam, tali dan sebagainya. Ada yang nahas kerana terlanggar atau terperangkap dengan benda-benda yang dihanyutkan air deras ini. Air banjir juga tercemar dengan pelbagai kotoran daripada air kumbahan, bangkai binatang dan sebagainya. Keadaan ini boleh menyebarkan penyakit. Justeru, janganlah mengambil air banjir untuk diminum, apatah lagi jika tidak dimasak.

Oleh itu, apabila tiba musim hujan kita mestilah berhati-hati. Adalah lebih baik jika kita berpindah ke tempat yang lebih selamat sebelum air naik.

6. Berikut adalah bencana alam, **kecuali**:

- A. Banjir    B. Gempa bumi    C. Letupan gunung berapi    D. Kemalangan jalan raya

7. Berdasarkan petikan, negeri-negeri Pantai Timur, Semenanjung Malaysia merupakan negeri \_\_\_\_\_.

- A. Pulau Pinang    B. Sabah    C. Terengganu    D. Perak

8. Berdasarkan petikan di atas, di bawah adalah kesan bencana alam tersebut, **kecuali**

- A. Harta benda musnah    B. Binatang ternakan mati    C. Penyakit tersebar    D. Hasil tanaman lumayan

9. Apakah mengakibatkan banjir berlaku?

- A. Hujan lebat yang kerap    B. Cuaca terlalu panas    C. Cuaca terlalu dingin    D. Angin yang kencang

10. Berikut adalah langkah-langkah selamat semasa banjir berlaku, **kecuali**:

- A. Elak meminum air banjir    B. Pindah ke tempat yang lebih selamat  
C. Bersembunyi di dalam kereta    D. Elak berenang di dalam air banjir

**Soalan 11-Soalan 15**

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Adjektif** yang paling sesuai.

11. Jasa ibu \_\_\_\_\_sekali.  
A. penting                      B. agung                      C. mulia                      D. tinggi
12. Encik Lee memarahi anaknya kerana pencapaian anaknya dalam pelajaran masih \_\_\_\_\_.  
A. lebam                      B. lembap                      C. lambat                      D. lemau
13. Pemuda yang \_\_\_\_\_itu telah dihadahi pingat oleh penghulu kampung atas jasanya menyelamatkan seorang budak yang hampir mati lemas.  
A. takut                      B. berani                      C. gagah                      D. kasar
14. Pelajar yang bertindak\_\_\_\_\_terhadap rakan sekelasnya itu akhirnya digantung sekolah.  
A. baik                      B. gopoh                      C. kasar                      D. sopan
15. Pendaki itu menggigil kesejukan kerana baju yang dipakainya terlalu \_\_\_\_\_.  
A. tebal                      B. nipis                      C. labuh                      D. sendat

**Soalan 16—Soalan 20**

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Sendi** yang paling sesuai.

16. Kita harus berdoa \_\_\_\_\_Allah \_\_\_\_\_berusaha untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran.  
A. kepada,sampai                      B. pada,selain                      C. kepada,selain                      D. pada,sebagai
17. Perabot yang diperbuat \_\_\_\_\_kayu jati itu dibeli \_\_\_\_\_ayah.  
A. dari,oleh                      B. daripada,oleh                      C. dari,daripada                      D. daripada,kepada
18. Ibu menunggu ayah \_\_\_\_\_pukul 7.00 pagi \_\_\_\_\_pukul 10.00 pagi tetapi dia masih belum tiba.  
A. daripada,ke                      B. dari,hingga                      C. sampaikan,pada                      D. manakala,kepada
19. Ayah dan ibu sangat suka \_\_\_\_\_mi goreng yang dijual di restoran itu.  
A. oleh                      B. kepada                      C. akan                      D. pada
20. Berita \_\_\_\_\_bencana alam itu disiarkan di televisyen dari semasa ke semasa.  
A. akan                      B. dengan                      C. tentang                      D. antara

**Soalan 21—Soalan 25**

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Hubung** yang paling sesuai.

21. \_\_\_\_\_pegawai kastam membuat pemeriksaan,barang seludup itu tiada padanya.  
A. Semoga                      B. Sewaktu                      C. Supaya                      D. Setelah
22. Encik Lim menebas semak-samun \_\_\_\_\_isterinya menyapu sampah.  
A. apabila                      B. manakala                      C. walaupun                      D. sedangkan
23. Halim tetap dengan pendiriannya untuk berhijrah ke bandar \_\_\_\_\_ditentang oleh ibunya.  
A. sementara                      B. walaupun                      C. sejak                      D. agar
24. Ekspo pertanian itu akan dilanjutkan tempohnya \_\_\_\_\_mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan.  
A. jika                      B. ketika                      C. hingga                      D. sementara
25. Makanlah makanan yang berkhasiat \_\_\_\_\_badan kamu sentiasa cergas.  
A. jika                      B. sejak                      C. kerana                      D. supaya

**Soalan 26—Soalan 30**

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Penjodoh Bilangan** yang paling sesuai.

26. Ibu telah menumpangkan 50 \_\_\_ nasi lemak dan 30 \_\_\_ karipap di warung Pak Ahmad.  
A. bungkus...buah    B. bungkus...ketul    C. berkas...butir    D. buah...ulas
27. Mak Lee memetik \_\_\_ pucuk ubi dan tujuh \_\_\_ terung di kebunnya.  
A. sehelai...butir    B. seikat...butir    C. seponon...buah    D. secekak...biji
28. Mak Nab telah menanam lima \_\_\_ pokok cempedak di atas \_\_\_ tanahnya.  
A. batang...sekeping    B. pohon...sebidang    C. ulas...serelung    D. batang...sekaki
29. Penyair itu sedang mendeklamasikan se \_\_\_ sajak bertemakan kemanusiaan.  
A.ompok    B. untai    C. rumpun    D. ruas
30. Puan Yati menggunakan beberapa \_\_\_ bunga ros untuk menghiasi bilik pengantin itu.  
A. gugus    B. jambak    C. kumpulan    D. berkas

**Soalan 31—Soalan 35**

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Kerja Transitif atau Kata Kerja Tak Transitif** yang paling sesuai.

31. Noni menolong ayahnya \_\_\_ buah durian di kebun mereka.  
A. mencuri    B. mengutip    C. mengetin    D. membuang
32. Penduduk kampung bergotong-royong \_\_\_ kerbau yang baru disembelih.  
A. melapah    B. menanam    C. menyimpan    D. menggunting
33. Kipas angin di ruang tamu sedang \_\_\_ ligat.  
A. berlaju    B. bergerak    C. berputar    D. berjalan
34. Mak Cik Tuti \_\_\_ para tetamu dengan kuih-muih yang lazat.  
A. menjual    B. menuang    C. membaling    D. menghidangi
35. Kakinya \_\_\_ duri kerana tidak memakai kasut.  
A. terluka    B. tertusuk    C. termakan    D. tertimbus

**Soalan 36—Soalan 39**

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Berimbuhan** yang paling sesuai.

36. Masalah disiplin murid-murid semakin \_\_\_ sejak kebelakangan ini.  
A. meninggi    B. membuak    C. meningkat    D. melampau
37. \_\_\_ Encik Wong untuk membeli tanah itu tidak kesampaian kerana wangnya belum cukup.  
A. Tujuan    B. Keinginan    C. Kehendak    D. Keperluan
38. Kerajaan akan memperkenalkan \_\_\_ baharu untuk menyekat kehadiran pendatang.  
A. aturan    B. susunan    C. tatasusila    D. undang-undang
39. Mong Lee \_\_\_ seekor kucing Parsi yang comel.  
A. menjaga    B. membelai    C. mengurung    D. memelihara

**Soalan 40—Soalan 43**

Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang sesuai.

40. Lelaki yang dikhuatiri hilang itu dijumpai \_\_\_\_ di tepi pantai oleh pasukan penyelamat.  
A. terlantar                      B. terdampar                      C. terhampar                      D. terlentang
41. Aminah berasa \_\_\_\_ kerana tidak sempat melihat arwah neneknya buat kali terakhir.  
A. terkilan                      B. terkejut                      C. tersentak                      D. tersinggung
42. Emak \_\_\_\_ adunan tepung itu hingga sebati sebelum dijadikan doh-doh kecil.  
A. melecek                      B. menguli                      C. menggaul                      D. menggelek
43. Encik Kamil terpaksa \_\_\_\_ padinya secara tradisional kerana jenteranya rosak.  
A. menuai                      B. menebas                      C. mencantas                      D. memotong

**Soalan 44—Soalan 47**

Tukarkan Ayat Aktif kepada Ayat Pasif atau sebaliknya.

44. Encik Ramli menjual ikan parang itu di tepi jalan raya.  
A. Ikan parang itu dijual oleh Encik Ramli.  
B. Ikan parang itu Encik Ramli dijual di tepi jalan.  
C. Di tepi jalan raya itu Encik Ramli menjual ikan.  
D. Ikan parang itu dijual oleh Encik Ramli di tepi jalan raya.
45. Pasukan bomba telah berjaya memadamkan kebakaran di rumah itu.  
A. Di rumah itu pasukan bomba terbakar.  
B. Kebakaran di rumah itu berjaya dipadamkannya.  
C. Kebakaran di rumah itu telah berjaya dipadamkan oleh pasukan bomba.  
D. Rumah dan pasukan bomba yang terbakar itu berjaya dipadamkan.
46. Tukang kayu itu sedang membina rumah kepunyaan Encik Lam.  
A. Encik Lam sedang membina rumah tukang kayu itu.  
B. Rumah Encik Lam telah dibina oleh seorang tukang kayu.  
C. Rumah encik Lam akan dibina oleh seorang tukang kayu.  
D. Rumah kepunyaan Encik Lam sedang dibina oleh tukang kayu itu.
47. Kahlusan budi bahasa masyarakat Melayu amat dikagumi oleh para pelancong.  
A. Para pelancong mengagumi masyarakat Melayu.  
B. Para pelancong amat mengagumi kehalusan budi bahasa masyarakat Melayu.  
C. Masyarakat Melayu yang berbudi bahasa amat dikagumi oleh para pelancong.  
D. Masyarakat Melayu mengagumi kehalusan budi bahasa para pelancong.

**Soalan 48 – Soalan 50**

Pilih ayat-ayat di bawah dengan susunan yang betul.

48. A. Membuang kamu jangan masa berbisik-bisik dengan.  
B. Membuang masa kamu jangan dengan membisik-bisik.  
C. Kamu jangan membuang masa dengan membisik-bisik.

D. Membisik-bisik masa kamu jangan dengan membuang.

49. A. Kamu adik untuk buku-buku ini susunlah.  
B. Susunlah buku-buku ini untuk adik kamu.  
C. Untuk adik kamu buku-buku susunlah ini.  
D. Buku-buku ini susunlah adik untuk kamu.

50. A. Dengan betul cara kamu mesti memohon yang.  
B. Betul cara kamu mesti dengan yang memohon.  
C. Kamu mesti memohon dengan cara yang betul.  
D. Mesti memohon kamu dengan cara yang betul.

2018 年度永平中学  
初一新生入学编班考试  
国文科试卷

Peperiksaan Kemasukan Tingkatan Satu 2018  
Sekolah Menengah Cina Yong Peng  
Bahasa Malaysia  
Tarikh: 23 September 2017  
Masa: 10.35pagi — 11.25pagi

**Arahan Am:**

Tiap-tiap soalan atau pernyataan diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A,B,C,dan D. Terdapat hanya satu jawapan yang paling sesuai. Pilih jawapan itu, kemudian hitamkan jawapan yang berkenaan pada kertas jawapan "O". Semuanya 50 soalan bersamaan 100%

**Soalan 1 – Soalan 5**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut*

Tepat jam 12.00 tengah malam, 31 Ogos 1957, 48 tahun yang lalu, negara kita Malaysia telah diumumkan merdeka. Seluruh rakyat Malaysia berasa bangga kerana usaha untuk membebaskan Malaysia daripada dibelenggu oleh penjajah sudah tercapai. Hari ini, kita bersama-sama merasai dan menyambut kemerdekaan Malaysia untuk kali yang ke-49 tahun. Bersamalah kita menyambutnya dengan penuh rasa kesyukuran atas nikmat dan anugerah kemerdekaan ini.

Selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, Inggeris kembali berkuasa di Tanah Melayu. Inggeris ingin menubuhkan sistem kerajaan yang baharu dengan nama Malayan Union. Namun, rakyat Malaya menolak penjajahan Inggeris, kerana sebelum ini corak penjajahan Jepun yang zalim dan kejam begitu menghantui mereka. Raja-raja Melayu dan rakyat-tempatan tegas menentang penubuhan Malayan Union dan berkabung selama satu minggu.

Sebenarnya, Malayan Union ditubuhkan untuk menyatukan negeri-negeri Tanah Melayu. Seorang Gabenor British bernama Edward Gent akan menerajui Malayan Union. Gabenor tersebut lebih berkuasa daripada raja-raja atau sultan-sultan negeri Tanah Melayu. Sebab itulah penubuhan Malayan Union telah mendapat tentangan yang hebat daripada orang tempatan. Mereka tidak berpuas hati dengan gagasan yang lebih menggugatkan keistimewaan rakyat Malaysia dari sinilah, bangkitnya perasaan nasionalisme, atau semangat patriotisme rakyat Malaya.

Pada tahun 1946, Dato'Onn Jaafar telah mengadakan satu kongres bagi semua pertubuhan politik Melayu di Tanah Melayu. Dalam kongres tersebut, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah ditubuhkan untuk mewakili orang-orang Melayu di Semenanjung. Dato'Onn menjadi presiden pertamanya. Kebangkitan ini telah memaksa pihak British membatalkan gagasan Malayan Union.

Pada tahun 1957, usaha untuk mendapatkan kemerdekaan telah dipelopori oleh beberapa barisan pejuang yang berjiwa kental, antaranya terdiri daripada Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, dan Tun Hussein Onn. Mereka telah menyaksikan satu detik bersejarah dengan penurunan bendera Union Jack di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad sebagai tanda berakhirnya penjajahan British di Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

1. Bagaimanakah perasaan rakyat Malaysia ketika Malaysia diumumkan merdeka?
  - A. berasa bangga dan gembira
  - B. berasa sedih dan marah
  - C. berasa benci atas pengumuman ini
  - D. berperasaan seperti biasa
2. Berdasarkan petikan, sudah berapa tahun Malaysia meraikan sambutan Hari Kemerdekaan?
  - A. 46 tahun
  - B. 47 tahun
  - C. 48 tahun
  - D. 49 tahun
3. Bilakah rakyat Malaysia mulai menyambut Hari Kemerdekaan?
  - A. 1957
  - B. 1949
  - C. 1948
  - D. 1946
4. Apakah tujuan Malayan Union ditubuhkan?
  - A. menyatukan negeri-negeri Tanah Melayu
  - B. menyambut kedatangan tentera Jepun
  - C. menyatukan askar-askar Inggeris
  - D. menyatukan Raja-raja Melayu
5. Siapakah presiden pertama UMNO?
  - A. Tunku Abdul Rahman
  - B. Dato' Onn Jaafar
  - C. Tun Hussein Onn
  - D. Tun Abdul Razak

Soalan 6 – Soalan 10

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut*

Sejak permulaan tamadun manusia, pelbagai cara digunakan untuk menyampaikan maklumat berbentuk amaran, pertolongan cemas, dan berita. Antaranya, termasuklah penggunaan asap, cahaya, nada, dan tulisan. Kaedah berbahasa ini tidak mengira tempat, agama, bangsa, budaya, dan bahasa di dunia bagi membolehkan masyarakat berkomunikasi dan menyampaikan mesej tertentu kepada sasaran tertentu dengan tujuan-tujuan tertentu.

Masyarakat yang dapat menguasai keupayaan berbahasa, terutama dalam kepelbagaian bahasa merupakan satu keistimewaan dan rahmat yang dianugerahkan Tuhan. Mereka bukan sahaja mampu bertutur dengan bangsa yang berlainan, malah juga mampu membuka gedung-gedung ilmu pengetahuan bangsa lain.

Lantaran itu, masyarakat wajar mempunyai sikap positif dalam mendidik anak-anak mereka belajar lebih daripada satu bahasa. Sebelum kita hendak menguasai sesuatu bahasa asing, kita wajar melengkapkan diri dengan pengetahuan yang mendalam berhubung dengan bahasa orang, sedangkan bahasa sendiri dipandang rendah dan dianaktirikan oleh mereka sendiri.

Mereka seharusnya berbangga dengan keupayaan bahasa Malaysia yang telah menempatkan dirinya sebagai bahasa rasmi, perundangan, ekonomi, dan pendidikan. Malah, bahasa Malaysia bukan sahaja mempunyai nilai ekonomi, tetapi bahasa ini juga dimahkotakan sebagai bahasa ilmu. Fenomena ini jelas membuktikan bahawa bahasa Malaysia itu merupakan bahasa yang dinamik.

Rakyat Malaysia wajar mengubah minda mereka untuk mempelajari bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia bukan sahaja milik orang Melayu, tetapi juga bangsa rumpun Melayu dan rakyat Malaysia.



Penguasaan bahasa yang baik akan melahirkan banyak cendekiawan dan ilmuwan yang mampu menghasilkan karya-karya ilmu dan kreatif. Sehingga kini, negara masih dahaga karya-karya bahasa Malaysia yang bermutu dalam semua bidang ilmu, termasuk teknologi maklumat. Kerajaan, khususnya Kementerian Pelajaran sewajarnya melaksanakan kempen penggunaan bahasa ini dengan bersungguh-sungguh dan jangan mengikut musim.

Slogan kempen bahasa seperti 'Bahasa Jiwa Bangsa', 'Indah Budi Kerana Bahasa' dan 'Cintailah Bahasa Kita' hendaklah benar-benar diterapkan ke dalam masyarakat, khususnya dalam usaha menarik penyertaan bukan Melayu. Pesta Drama, nyanyian lagu patriotik, pertandingan Pesta Pantun, pertandingan menulis sajak, cerpen, dan skrip perlu dipergiat dari semasa ke semasa.

Masyarakat mesti dididik menguasai laras dan ragam bahasa, kosa kata dan kesantunan berbahasa bagi melahirkan masyarakat yang berbudi bahasa dan mempunyai nilai estetika akhlak yang tinggi.

6. Antara yang berikut yang manakah bukan merupakan cara-cara untuk menyampaikan maklumat?  
A. asap                      B. angin                      C. cahaya                      D. nada
7. Apakah sikap yang wajar diambil oleh masyarakat untuk mendidik anak-anak mereka menguasai lebih daripada satu bahasa?  
A. sikap positif              B. sikap pasif              C. sikap negatif              D. sikap kurang giat
8. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** merupakan cara untuk meningkatkan penguasaan sesuatu bahasa?  
A. banyak membaca      B. banyak bertutur      C. banyak menulis      D. banyak melukis
9. Antara berikut yang manakan slogan tentang kempen menggalakkan penggunaan bahasa?  
A. Indah Bahasa Secantik Kata              B. Berbudi Bahasa  
C. Bahasa Jiwa Bangsa                      D. Pentingkan Bahasa
10. Menurut petikan ini, kementerian manakah yang memainkan peranan langsung dalam perkembangan penggunaan bahasa Malaysia?  
A. Kementerian Pembangunan Malaysia      B. Kementerian Hal-ehwal Dalam Negeri  
C. Kementerian Pelancongan Malaysia      D. Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan

#### Soalan 11 – Soalan 15

Isikan tempat kosong dengan perkataan yang tersedia.

Ali yang bekerja sebagai \_\_\_\_\_ (11) \_\_\_\_\_ di Universiti Malaysia. Pihak atasannya menganggap beliau merupakan tenaga \_\_\_\_\_ (12) \_\_\_\_\_ yang bertanggungjawab. Bagi muridnya, dia merupakan seorang guru yang penyabar dan \_\_\_\_\_ (13) \_\_\_\_\_. Dia selalu menjadi penceramah di univervisti dan ceramahnya selalu mendapat \_\_\_\_\_ (14) \_\_\_\_\_ yang gemuruh daripada \_\_\_\_\_ (15) \_\_\_\_\_.

11. A. pensyarah  
B. mensyarah  
C. mensyarahkan  
D. syarahan
14. A. tepuk  
B. bertepuk  
C. menepuk  
D. tepukan

12. A. pelajar  
B. pengajaran  
C. pengajar  
D. penggajar

15. A. petonton  
B. penonton  
C. tonton  
D. tontonan

13. A. pemurah  
B. termurah  
C. murah  
D. kemurahan

### Soalan 16 -- Soalan 20

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang sesuai.

16. Ayah terpaksa \_\_\_\_\_ basikalnya yang rosak semasa pulang dari kebun.  
A menarik                      B menuntun                      C memimpin                      D membawa
17. Marisa dan kawan-kawannya menyapu sampah yang \_\_\_\_\_ di dalam kelas.  
A manabur                      B tertabur                      C ditaburkan                      D bertaburan
18. Gejala vandalisme mesti \_\_\_\_\_ oleh murid-murid sejak awal lagi.  
A dibendung                      B dilakukan                      C disusunkan                      D disediakan
19. Sajak ciptaan Nadhirah \_\_\_\_\_ dalam majalah sekolah.  
A tersiar                      B tersebar                      C tertulis                      D terpamer
20. Pensel yang sudah tumpul itu perlu \_\_\_\_\_ oleh adik sebelum digunakan.  
A ditajamkan                      B diruncingkan                      C diasah                      D dicanai

### Soalan 21 – Soalan 25

Susun semula perkataan-perkataan yang diberi supaya menjadi ayat-ayat yang lengkap.

21. Membuang masa kamu jangan dengan berbisik-bisik.  
A. Masa membuang kamu berbisik-bisik dengan jangan.  
B. Kamu jangan membuang masa dengan berbisik-bisik.  
C. Kamu jangan dengan berbisik-bisik membuang masa.  
D. Berbisik-bisik jangan kamu membuang masa dengan.
22. Kamu adik untuk buku-buku ini susunlah.  
A. Susunlah kamu adik untuk buku-buku ini.  
B. Buku-buku ini susunlah kamu adik untuk.  
C. Adik kamu untuk susun buku-buku ini.  
D. Susunlah buku-buku ini untuk adik kamu.

# 独中初一

**赶快来体验吧!**








**不满意不收费!**



**点击报名 ▶**

想要询问其他年级或更多有关免费试课的详情，欢迎联络我们(011-2818 3030)哟!  
[https://wa.link/l1h4e2?utm\\_medium=pdf&utm\\_source=pdf\\_ad&utm\\_campaign=cis\\_entrance\\_exam](https://wa.link/l1h4e2?utm_medium=pdf&utm_source=pdf_ad&utm_campaign=cis_entrance_exam)






**30网校 buxi**


**如果这些考卷帮到您，**



**希望您也可以与我们分享所持有的考卷。**

**不管是入学考卷，还是其他年级的考卷，**





**我们都无任欢迎哦!**



**30网校 f ▶**

如果您有试卷想要提供，欢迎私信我们的面子书专页【[30网校](#)】，或者电邮至：[hi@30.com.my](mailto:hi@30.com.my)

23. Jawapan betul yang antara ini manakah?  
 A Manakah yang betul antara jawapan ini?  
 B Yang betul antara jawapan ini manakah?  
 C Antara jawapan ini yang betul manakah?  
 D Yang antara ini manakah betul jawapan?
24. Sakitnya aduh aku kaki!  
 A. Aduh! Sakitnya aku kaki.  
 B Aduh, kaki sakitnya.  
 C Aduh, sakitnya kakiku!  
 D Sakitnya aku kaki, aduh.
25. Rama ialah cita-cita menjadi juruterbang.  
 A Rama cita-cita ialah juruterbang menjadi.  
 B Cita-cita Rama adalah menjadi juruterbang  
 C Menjadi cita-cita juruterbang ialah Rama.  
 D Adalah menjadi juruterbang Rama cita-cita.

**Soalan 26 - -Soalan 30**

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Penjodoh Bilangan** yang paling sesuai.

26. Ali memancing udang itu dengan menggunakan se\_\_\_\_\_mata kail yang halus.  
 A. bentuk                      B. biji                      C. batang                      D. bilah
27. Ibu memakai se\_\_\_\_\_selendang merah ke majlis itu.  
 A. hiris                      B. buah                      C. helai                      D. cebis
28. Se\_\_\_\_\_burung merpati terperangkap di dalam jaring yang dipasang oleh pemburu itu.  
 A. angkatan                      B. kawan                      C. rawan                      D. kaki
29. Dua\_\_\_\_\_kelapa itu berjaya diturunkan oleh monyet itu.  
 A. tangkai                      B. ulas                      C. utas                      D. tandan
30. Ahmad membeli beberapa\_\_\_\_\_petai untuk dibuat ulam.  
 A. pasang                      B. buku                      C. butir                      D. papan

**Soalan 31 -- Soalan 35**

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Adjektif** yang paling sesuai.

31. Walaupun datuk Ramli sudah tua, kulitnya masih \_\_\_\_\_  
 A. tegang                      B. teguh                      C. tegap                      D. tegar

32. Petir berdentum dengan \_\_\_\_\_ menandakan hari hendak hujan.  
 A. kuat                      B. rakus                      C. senyap                      D. perlahan
33. Bayi itu tidur dengan \_\_\_\_\_ di atas pangkuan ibunya.  
 A. kaku                      B. riang                      C. diam                      D. nyenyak
34. Pelari itu berlari dengan \_\_\_\_\_ menuju ke garisan penamat.  
 A. kuat                      B. cepat                      C. pantas                      D. deras
35. Mi kari itu \_\_\_\_\_ kerana terlebih garam.  
 A. pahit                      B. manis                      C. masin                      D. masam

Soalan 36.- Soalan 38

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Sendi** yang paling sesuai.

36. Baju yang dipakai oleh Asmah serupa \_\_\_\_\_ baju Fatmah.  
 A. seperti                      B. bagi                      C. dengan                      D. untuk
37. Lembu yang diimport \_\_\_\_\_ Australia gemuk-gemuk.  
 A. ke                      B. di                      C. dari                      D. daripada
38. Amir membeli sehelai baju batik \_\_\_\_\_ ibunya sebagai hadiah hari jadi.  
 A. daripada                      B. untuk                      C. demi                      D. pada

Soalan 39 - Soalan 40

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Hubung** yang paling sesuai.

39. Dia membasuh tangan \_\_\_\_\_ bersarapan.  
 A. walaupun                      B. lalu                      C. serta                      D. atau
40. Dia tidak mahu pergi berjumpa dengan doktor \_\_\_\_\_ demam.  
 A. sementara                      B. lalu                      C. kerana                      D. walaupun

**Soalan 41 – Soalan 45**

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Kerja Transitif** yang paling sesuai.

41. Sharmila tidak \_\_\_\_\_ kelas tambahan kerana demam.  
 A. kehadiran                      B. berhadir                      C. menghadiri                      D. terhadir
42. Gaun Datin Sue \_\_\_\_\_ benang emas dan batu permata yang cantik.  
 A. berlapikkan                      B. beralaskan                      C. bersulamkan                      D. berlandaskan
43. Ismail dapat \_\_\_\_\_ dua guni beras di bahunya walaupun sudah berusia lanjut.  
 A. mengandar                      B. memikul                      C. menjunjung                      D. mengepit
44. Mak Long telah \_\_\_\_\_ tandatangannya pada surat perjanjian menjual rumah.  
 A. menjatuhkan                      B. membubuhkan                      C. meletakkan                      D. menurunkan

45. Pemuda itu sedang \_\_\_\_\_ di tepi pantai sambil membaca majalah.

- A. bersantai      B. berazam      C. berenang      D. berkhayal

**Soalan 46 – Soalan 50**

*Tukarkan ayat-ayat aktif yang berikut kepada ayat pasif.*

46. Saya menyerahkan bil api dan air kepadanya.

- A. Bil api dan air kepadanya saya serahkan.  
B. Bil api dan air saya serahkan kepadanya.  
C. Bil api dan air saya menyerahkan kepadanya.  
D. kepadanya saya serahkan bil api dan air.

47. Ibu menggosok sehelai baju ayah setiap pagi.

- A. Sehelai baju ayah digosok oleh ibu setiap pagi.  
B. Sehelai baju ayah ibu menggosok setiap pagi.  
C. Sehelai baju ayah ibu gosok setiap pagi.  
D. Sehelai baju ibu digosok oleh ayah setiap pagi.

48. Ayah memelihara beberapa ekor burung di dalam sangkar.

- A. Di dalam sangkar ayah memelihara beberapa ekor burung.  
B. Di dalam sangkar ayah pelihara beberapa ekor burung.  
C. Beberapa ekor burung ayah pelihara di dalam sangkar.  
D. Beberapa ekor burung dipelihara oleh ayah di dalam sangkar.

49. Kami akan menyertai peraduan melukis di tepi pantai.

- A. Peraduan melukis di tepi pantai akan kami sertai.  
B. Peraduan melukis di tepi pantai akan kami menyertai.  
C. Peraduan melukis akan disertai oleh kami di tepi pantai.  
D. Peraduan melukis di tepi pantai akan disertai oleh kami.

50. Syarikat Berjaya mengecat bangunan yang tinggi itu.

- A. Bangunan yang tinggi itu Syarikat Berjaya mengecat.  
B. Bangunan yang tinggi itu Syarikat Berjaya cat.  
C. Bangunan yang tinggi itu dicat oleh Syarikat Berjaya.  
D. Bangunan yang tinggi itu Syarikat Berjaya dicat.

2019 年度永平中学  
初一新生入学编班考试  
国文科试卷

Peperiksaan Kemasukan Tingkatan Satu 2019  
Sekolah Menengah Cina Yong Peng  
Bahasa Malaysia  
Tarikh: 29 SEPTEMBER 2018  
Masa: 10.35pagi — 11.25pagi

Arahan Am:

Tiap-tiap soalan atau pernyataan diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A,B,C,dan D. Terdapat hanya satu jawapan yang paling sesuai. Pilih jawapan itu, kemudian hitamkan jawapan yang berkenaan pada kertas jawapan "O". Semuanya 50 soalan bersamaan 100%

**Soalan 1 – Soalan 6 PEMAHAMAN**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut

DUNGUN, 30 November- Beribu-ribu kenderaan dari Terengganu dan Kelantan dilaporkan *terkandas* apabila banjir mula melanda negeri ini menyebabkan jalan-jalan utama tidak dapat dilalui khususnya bagi kenderaan ringan. Jalan-jalan yang dinaiki air ialah di kilometer 76, Jalan Jerangau - Jabor dekat Bukit Besi yang masih ditutup kepada semua kenderaan sehingga pukul enam petang ini.

Bagaimanapun, di sepanjang Jalan Kuala Terengganu – Kuantan, iaitu di kilometer 83.6 ( Bukit Bauk, Dungun), kilometer 9 (Kampung Air Hitam, Pakal dan kilometer 38 ( Kampung Serating, Mercang ) yang ditutup sementara pagi ini telah dibuka semula kepada semua lalu lintas petang ini.

Banjir yang berlaku akibat hujan lebat sejak dua hari lalu itu menyebabkan orang ramai yang ingin pulang bekerja selepas bercuti menyambut Aidilfitri terperangkap di sekitar bandar Dungun. Tinjauan mendapati kesesakan sejauh hampir 10 kilometer berlaku di Dungun dan 5 kilometer di Mercang apabila kebanyakan pemandu terpaksa memperlahan kenderaan masing-masing akibat banjir.

Dalam perkembangan lain, jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu berkata, 82 penduduk di Dungun dan Kemaman terpaksa dipindahkan akibat banjir hari ini. Katanya, tujuh keluarga dari Kampung Kubang Putat, tiga keluarga dari Kampung Batu 48 dan tujuh keluarga dari Kampung Kuala Abang dipindahkan ke Dungun. Semuanya membabitkan 73 orang. Orang ramai dikehendaki mematuhi arahan pihak berkuasa sekiranya diarah berpindah.

- 1 Apakah maksudnya *terkandas* dalam perenggan pertama petikan ini.  
A tersekat di pertengahan jalan      B terpanggil di pertengahan jalan  
C gagal dalam peperiksaan              D tertanya dalam perjalanan
- 2 Mengapakah kenderaan ringan dari Terengganu dan Kelantan terperangkap di jalan utama?  
A Berlaku kemalangan di jalan utama itu  
B Berlaku kerosakan jalan di jalan-jalan utama tersebut  
C Berlaku banjir di jalan-jalan utama tersebut  
D Berlaku kerja pembaikan jalan di jalan-jalan utama tersebut.
- 3 Bagaimanakah banjir boleh berlaku di negeri Terengganu?  
A Penduduk menggunakan air dengan banyak  
B Hujan turun dengan lebat sejak dua hari yang lalu  
C Terdapat paip bocor yang menyebabkan banjir berlaku  
D Air sungai melimpah hingga ke kampung-kampung

- 4 Di manakah orang ramai yang ingin pulang bekerja selepas bercuti menyambut Aidilfitri terperangkap?  
 A Bandar Paka B Bandar Mercang C Bandar Kuantan D Bandar Dungun
- 5 Berikut merupakan jalan-jalan yang telah dibuka semula kepada lalu lintas, **kecuali**  
 A di kilometer 38 B di kilometer lasak C di kilometer 83.6 D di kilometer 9
- 6 Berapakah keluarga yang terlibat dalam banjir dipindahkan ke Dungun?  
 A Tiga keluarga B tujuh keluarga C tujuh belas keluarga D sepuluh keluarga

#### SOALAN 7—SOALAN 10

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Nanas atau nama saintifiknya Ananas Comosus adalah berasal dari timur Amerika Selatan. Nanas mula dipopularkan oleh golongan bangsawan Eropah dengan menjadikannya begitu **eksklusif** dengan mananamnya di dalam rumah kaca.

Nanas terbentuk daripada sekumpulan bunga yang bertunas. Daunnya panjang seperti pedang dan berwarna hijau tua. Biasanya, selepas mengeluarkan bunga, nanas boleh dipetik dalam masa enam bulan. Nanas juga dikenali sebagai buah 'lasak' kerana boleh hidup dalam kadar hujan yang tidak tetap. Bagaimanapun, nanas terbaik memerlukan kadar hujan antara 1000 hingga 1500 milimeter hujan setahun dengan kadar suhu sekitar 24 hingga 30 darjah celsius.

Ada pelbagai jenis nanas di Malaysia, tetapi yang paling utama ialah nanas merah dan nanas hijau. Biasanya nanas ini ditinkan. Selain itu, terdapat juga nanas yang dikenali sebagai nanas Sarawak dan nanas Moris. Nanas jenis ini enak dimakan mentah selain menjadi bahan utama membuat rojak. Suatu ketika dahulu, industri mengetinkan nanas cukup popular. Industri ini bermula selepas tahun 1900. Walau bagaimanapun, pengeluarannya lebih tertumpu di negara-negara tropikal. Kini, pengeluar nanas di dalam tin yang utama di dunia ialah Thailand dan Filipina. Malaysia juga merupakan pengeluar nanas. Negeri Johor menguasai 67 peratus daripada pengeluaran nanas negara.

7. Perkataan eksklusif dalam petikan bermaksud  
 A sangat bernilai B bertaraf tinggi C sangat dihargai D sangat disayangi
- 8 Bagaimanakah buah nanas dihasilkan?  
 A Daripada tunas B Daripada buah yang dikacuk  
 C Daripada biji yang berbunga D Daripada bunga yang bertunas
9. Mengapakah nanas dikenali sebagai buah 'lasak'?  
 A Kerana nanas tidak memerlukan tanah yang subur  
 B Kerana nanas boleh hidup dalam keadaan iklim yang tidak tetap  
 C Kerana nanas mempunyai kulit yang tebal  
 D Kerana nanas berasal dari negara yang beriklim panas
10. Pengeluaran nanas lebih tertumpu di negara-negara tropika kerana  
 A rakyat di negara-negara tersebut gemar makan nanas  
 B kurangnya permintaan nanas di pasaran oleh negara-negara lain  
 C negara-negara tersebut mempunyai tenaga kerja yang ramai di sektor perladangan  
 D struktur tanah dan cuaca yang lebih sesuai

#### Soalan 11-Soalan 15

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Adjektif** yang paling sesuai.





### Soalan 26—Soalan 30

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Penjodoh Bilangan** yang paling sesuai.

26. Pengakap muda itu mencari beberapa \_\_\_\_\_ kayu untuk mendirikan khemah.  
A. buah                      B. ketul                      C. batang                      D. kaki
27. Kakak membeli \_\_\_\_\_ majalah di kedai yang baru dibuka itu.  
A. setimbun                      B. senaskah                      C. sebuah                      D. sehelai
28. Ayah membeli beberapa \_\_\_\_\_ petai di gerai itu.  
A. gelung                      B. papan                      C. mata                      D. biji
29. Polis melepaskan lima \_\_\_\_\_ tembakan ke arah perompak itu.  
A. butir                      B. das                      C. biji                      D. pucuk
30. \_\_\_\_\_ bunga kenanga terselit pada sanggul Sofia.  
A. Sejambak                      B. Sekuntum                      C. Sejambangan                      D. Sebatang

### Soalan 31—Soalan 35

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Kerja Transitif** atau **Kata Kerja Tak Transitif** yang paling sesuai.

31. Bawang merah itu \_\_\_\_\_ nipis sebelum dimasukkan ke dalam kuah.  
A. dibedah                      B. dibelah                      C. disiang                      D. dihiris
32. Amin \_\_\_\_\_ di hadapan pintu rumah sementara menunggu ibunya membukakan pintu.  
A. terjatuh                      B. tercegat                      C. terhenti                      D. terduduk
33. Longkang di tepi jalan itu \_\_\_\_\_ akibat pembuangan sampah sarap.  
A. terdesa                      B. terhimpit                      C. tersumbat                      D. terbantut
34. Puan Mei ling \_\_\_\_\_ jus oren yang segar itu ke dalam gelasnyanya.  
A. memercik                      B. melimpah                      C. menuang                      D. merenjis
35. Datuk dan nenek sedang \_\_\_\_\_ tentang kehidupan mereka pada zaman pendudukan Jepun.  
A. bersembang                      B. berpesan                      C. berhubung                      D. berkata

### Soalan 36—Soalan 40

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Berimbuhan** yang paling sesuai.

Untuk berjaya dalam \_\_\_\_\_ (36) \_\_\_\_\_, pelajar perlulah berusaha gigih. Pelajar tidak bolehlah mudah berputus asa ketika \_\_\_\_\_ (37) \_\_\_\_\_ dengan masalah. Pelajar perlulah \_\_\_\_\_ (38) \_\_\_\_\_ masa setiap hari untuk mengulang kaji pelajaran. Bukan itu sahaja, pelajar perlulah \_\_\_\_\_ (39) \_\_\_\_\_ nota-nota yang penting ketika membaca buku-buku teks. Jadi, sikap ibarat hangat-hangat tahi ayam perlulah \_\_\_\_\_ (40) \_\_\_\_\_.

- 36 A ajaran                      B mengajar                      C pelajaran                      D pengajar
- 37 A hadapan                      B terhadap                      C menghadap                      D berhadapan
- 38 A meluaskan                      B terluang                      C diluaskan                      D peluang
- 39 A dicatat                      B catatan                      C pencatat                      D mencatat

40 A elakkan

B dielakkan

C pengelak

D mengelakkan

**Soalan 41 -- Soalan 45**

Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang sesuai.

41 Karmen akan \_\_\_\_\_ bersama dengan ahli keluarganya pada musim cuti akan datang ini.

A balik di kampung

B balik ke kampung

C balik dengan kampung

D balik kampung

42 Puan Rahimah \_\_\_\_\_ itu agar sentiasa menjaga keselamatan.

A ingat kanak-kanak

B mengingati kanak-kanak

C mengingati kepada kanak

D mengingatkan kanak-kanak

43 Daylan gemar bermain bola sepak di sebuah tanah yang terletak \_\_\_\_\_.

A berhampiran dengan rumahnya

B berhampiran rumahnya

C menghampiri dengan rumahnya

D menghampirkan rumahnya

44. Para pelajar \_\_\_\_\_ sekolah lalu duduk di tempat masing-masing.

A. masuk ke dewan

B. memasuki ke dalam dewan

C. kemasukan sekolah di dewan

D. memasuki dewan

45. Kes kecurian itu berlaku \_\_\_\_\_ Ali di Jalan Kemunting.

A. dekat rumah

B. berdekatan di rumah

C. berdekatan dengan rumah

D. berdekatan rumah

**Soalan 46 – Soalan 50**

Pilih ayat-ayat di bawah dengan susunan yang betul.

46. A. Peserta pertandingan pidato itu sungguh petah berbicara.

B. Pertandingan pidato itu peserta sungguh petah berbicara.

C. Sungguh petah berbicara pidato peserta pertandingan itu.

D. Pertandingan pidato peserta itu sungguh petah berbicara.

47. A. Di Terengganu keropok lekor yang sangat popular kerana rasanya enak.

B. Sangat popular di Terengganu keropok lekor kerana rasanya yang enak.

C. Keropok lekor sangat popular di Terengganu kerana rasanya yang enak.

D. Keropok lekor rasanya yang sangat enak kerana popular di Terengganu.

48. A. Negeri-negeri dilanda banjir di Pantai Timur disebabkan hujan lebat yang berterusan.

B. Negeri-negeri di Pantai Timur dilanda banjir disebabkan hujan lebat yang berterusan.

C. Pantai Timur di negeri-negeri dilanda banjir disebabkan hujan lebat yang berterusan.

D. Disebabkan hujan lebat yang berterusan di negeri-negeri Pantai Timur dilanda banjir.

49. A. Bangunan lama di pinggir bandar dirobohkan oleh pekerja.

B. Dirobohkan oleh pekerja bangunan lama di pinggir bandar.

C. Oleh pekerja bangunan lama dirobohkan di pinggir bandar.

D. Di pinggir bandar bangunan lama dirobohkan oleh pekerja.

50. A. Keadaan banjir semakin surut pemberita melaporkan.

B. Semakin surut pemberita melaporkan keadaan banjir.

C. Keadaan banjir pemberita melaporkan semakin surut.

D. Pemberita melaporkan keadaan banjir semakin surut.

Peperiksaan Kemasukan Tingkatan Satu 2020  
Sekolah Menengah Cina Yong Peng  
Bahasa Malaysia  
Tarikh : 15 SEPTEMBER 2019

Arahan Am:

Tiap-tiap soalan atau pernyataan diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Terdapat hanya satu jawapan yang paling sesuai. Pilih jawapan itu, kemudian hitamkan jawapan yang berkenaan pada kertas jawapan "O".

**Soalan 1 – Soalan 5**

**PEMAHAMAN**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Yang mulia Tuan Pengerusi Majlis, para hakim yang bijaksana, guru-guru, para peserta dan hadirin yang dikasihi. Pada pagi ini saya akan menyampaikan sebuah syarahan yang bertajuk permainan tradisional.

Hadirin yang saya muliakan,

Permainan tradisional merupakan permainan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi berikutnya. Pelbagai jenis permainan tradisional yang terdapat dalam budaya Melayu. Antara permainan tradisional yang sering dimainkan seperti permainan gasing, layang-layang, congkak dan sebagainya. Melalui permainan tradisional juga dapat melahirkan individu yang kreatif, misalnya untuk membuat sesuatu alat permainan tersebut. Permainan tradisional juga menjimatkan wang kerana boleh dihasilkan sendiri.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Permainan moden pula mahal harganya dan kebanyakannya menggunakan elektrik yang memerlukan belanja yang banyak. Bagi keluarga yang kurang berkemampuan akan mengecewakan anak-anak mereka.

Selain itu, permainan tradisional juga dapat merapatkan hubungan silatulahim antara pemain disebabkan permainan tradisional biasanya dimainkan lebih daripada seorang atau secara berkumpulan. Sebaliknya permainan moden lebih daripada permainan secara individu.

Hadirin yang dihormati,

Jelaslah menunjukkan bahawa permainan tradisional banyak memberi faedah kepada pemain dan masyarakat keseluruhannya.

1. Syarahan di atas berbicara tentang \_\_\_\_\_
  - A. masyarakat Melayu
  - B. masyarakat Asli Melayu
  - C. masyarakat penduduk Tanah Melayu
  - D. masyarakat Melayu Kuno
2. Berikut adalah kebaikan permainan tradisional *kecuali*
  - A. merapatkan hubungan silatulahim
  - B. menjimatkan belanja
  - C. boleh dibuat dan direka sendiri
  - D. ketinggalan zaman
3. Permainan tradisional juga boleh memupuk nilai silatulahim dalam masyarakat
  - A. melalui permainan secara individu.
  - B. melalui permainan yang melibatkan lebih daripada seorang.
  - C. kerana permainan tradisional lebih menjimatkan.
  - D. kerana permainan tradisional boleh diwarisi turun-temurun.
4. Semua tempat sesuai untuk permainan layang-layang *kecuali*
  - A. di padang bola.
  - B. di dalam sawah padi.
  - C. di kawasan ruang legar.
  - D. di kawasan yang lapang.
5. Perkataan tradisional dalam petikan adalah antonim dengan ....
  - A. lama
  - B. canggih
  - C. moden
  - D. antik

### Soalan 6 – Soalan 10

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Penjodoh Bilangan** yang paling sesuai.

6. Tukang masak itu menaburkan beberapa \_\_\_\_\_ lobak merah di atas hidangan makanannya dengan tujuan menambah markah gaya kreativiti.  
A. batang                      B. rumpun                      C. ketul                      D. hiris
7. Encik Loh menghadaiahkan se\_\_\_\_\_ cincin yang bertakhtakan berlian kepada isterinya sempena memperingati hari ulang tahun perkahwinannya yang ke-10.  
A. tangkai                      B. untai                      C. bentuk                      D. lingkar
8. \_\_\_\_\_ Tentera Darat diraja Malaysia memainkan peranan yang penting untuk mempertahankan negara kita daripada serangan musuh.  
A. Deret                      B. Untai                      C. Rumpun                      D. Angkatan
9. Penjual itu memasukkan beberapa \_\_\_\_\_ ais ke dalam bungkus air sirap limau.  
A. buku                      B. bentuk                      C. hiris                      D. ketul
10. Pemandangan di taman rekreasi itu tercemar apabila terdapatnya beberapa \_\_\_\_\_ lalang yang telah lama tidak dipotong.  
A. rumpun                      B. raga                      C. tangkai                      D. hiris

### Soalan 11 – Soalan 15

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Hubung** yang paling sesuai.

11. Dia bangun \_\_\_\_\_ ke anjung rumah.  
A. atau                      B. dan                      C. lalu                      D. sambil
12. Emak melipat kain \_\_\_\_\_ mendengar radio.  
A. sementara                      B. sambil                      C. sehingga                      D. malahan
13. Sofea bukan sahaja pandai \_\_\_\_\_ berbudi bahasa.  
A. walaupun                      B. ketika                      C. malahan                      D. kerana
14. Cikgu Mariam \_\_\_\_\_ Cikgu Adam akan menyambung pelajaran ke United Kingdom.  
A. lalu                      B. dan                      C. atau                      D. jika
15. Buah epal \_\_\_\_\_ buah rambutankah pilihan kamu?  
A. dan                      B. lalu                      C. atau                      D. jika

### Soalan 16 – Soalan 20

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Sendi** yang paling sesuai.

16. Ayah marah \_\_\_\_\_ perangai Johari yang kurang sopan itu.  
A. demi                      B. akan                      C. pada                      D. dengan
17. Budak yang digelar ulat buku itu suka membaca buku \_\_\_\_\_ larut malam.  
A. daripada                      B. kepada                      C. hingga                      D. di
18. Kejayaan kita \_\_\_\_\_ hari ini, sebenarnya ialah hasil daripada usaha semua pihak.  
A. kepada                      B. pada                      C. dari                      D. oleh
19. Penemuan barang-barang lama itu sangat penting \_\_\_\_\_ ahli-ahli sejarah.  
A. akan                      B. oleh                      C. demi                      D. kepada
20. Gejala cetak rompak di negara ini akan dipantau oleh pihak berkuasa \_\_\_\_\_ semasa ke semasa.  
A. dari                      B. kepada                      C. hingga                      D. daripada

**Soalan 21 –Soalan 25**

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih **Kata Kerja** yang paling sesuai.

21. Ramai penduduk yang \_\_\_\_\_ aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kampung yang diadakan semalam.  
A. mengakui                      B. menganggotai                      C. Menyertai                      D. menghargai
22. Hambali sentiasa \_\_\_\_\_ prestasi yang cemerlang dalam setiap peperiksaan yang dihadapinya.  
A. meningkatkan                      B. menghangatkan                      C. Membuktikan                      D. menunjukkan
23. Harimau itu \_\_\_\_\_ dengan kuat di dalam kandang.  
A. mencicit                      B mengiau                      C. mengaum                      D. menguak
24. Rambut Asmadi yang panjang itu telah \_\_\_\_\_ oleh Cikgu Zakaria.  
A. dipotong                      B dihiris                      C. dicantas                      D. dibelah
25. Natrah \_\_\_\_\_ kepada ibu bapanya agar mereka tidak memberhentikan persekolahannya.  
A. merayu                      B mendayu                      C. merintih                      D. meraung